

D034

U B112 DEB
MAHATHIR - JIMAT R R R

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI, 24 APRIL)
=====

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYERU UMAT ISLAM BERJIMAT-CERMAT SEPANJANG MASA DAN TIDAK MENGHADKAN USAHA ITU KEPADA KEGIATAN EKONOMI ATAU PADA MASA EKONOMI MENDESAK SAHAJA.

+KITA HARUS BERJIMAT DENGAN MASA, DENGAN SEMUA HARTA MILIK SEMENTARA KITA, DENGAN KESIHATAN KITA, DENGAN PERSAUDARAAN KELUARGA, RAKAN DAN PERSAUDARAAN KEISLAMAN KITA DAN DENGAN KEAMANAN MASYARAKAT KITA,+ KATANYA.

+INSYA-ALLAH DENGAN BERJIMAT-CERMAT INI KITA AKAN MEMPEROLEHI KETENANGAN DAN KEBAHAGIAAN, BAIK PADA MASA BIASA ATAU PADA MASA KECEMASAN,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI PUSAT ISLAM DI SINI.

MENURUTNYA, SERUAN KERAJAAN SUPAYA RAKYATNYA BERDISIPLIN, BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MEMPERTINGKATKAN DAYA PENGELUARAN ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA AMALAN BERJIMAT-CERMAT YANG DITUNTUT OLEH AGAMA ISLAM.

+SERUAN ITU SECOCOK DENGAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DAN MEREKA YANG MEMPERSENDAKAN SERUAN ITU ATAU SENGAJA TIDAK MENGHIRAUKANNYA PADA HAKIKATNYA MENENTANG PENERAPAN NILAI-NILA ISLAM,+ KATANYA. -- LAGI.

1917MST 24 04 86

U B113 DEB
MAHATHIR - JIMAT 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

BELIAU MENAMBAH KATA, KERAJAAN SEDAR BAHAWA SEBAHAGIAN DARIPADA RAKYAT AMAT TERTEKAN DENGAN KEJATUHAN HARGA KOMODITI UTAMA MASA KINI TETAPI RAKYAT PERLU SEDAR BAHAWA SUASANA YANG WUJUD ITU ADALAH UJIAN DARIPADA ALLAH.

IA JUGA UNTUK MENGUJI SEJAUH MANA KESABARAN DAN KEIMANAN MANUSIA DALAM MENGHADAPI DUGAAN DAN UNTUK MELIHAT SEJAUH MANA KEBIJAKSANAAN HAMBANYA DALAM BERUSAHA MENGATASI CABARAN ITU.

+OLEH ITU SAMBIL KITA, SEBAGAI UMAT ISLAM BERDOA KEPADA ALLAH DAN MEMOHON PERTOLONGAN-NYA, KITA HENDAKLAH MENGGEMBLENGKAN TENAGA DAN FIKIRAN BAGI MENGATASI TEKANAN YANG KITA HADAPI SERTA TIDAK BERPUTUS ASA KERANA UJIAN TUHAN TETAP ADA KHASIAT TERTENTU WALAUPUN TIDAK KELIHATAN,+ KATANYA.

MENURUTNYA LAGI, SETIAP ORANG MEMPUNYAI KEKAYAAN JIKA IA SEDAR APA YANG ADA PADANYA. KATANYA SEBAGAI CONTOH, ORANG YANG LUMPUH ANGGOTA PUN DAPAT MENGGUNAKAN AKALNYA UNTUK BELAJAR SESUATU ILMU DAN MENGGUNAKAN TANGANNYA UNTUK MENULIS, MENGUKIR DAN SEBAGAINYA.

+SEBENARNYA JIKA KITA KATA, KITA MISKIN, KITA SEPATUTNYA MENYOAL APAKAH KITA SUDAH MENGGUNAKAN SEPENUHNYA KEKAYAAN YANG DIKURNIAKAN OLEH TUHAN SEBAGAI MODAL KEPADA KITA DAN JIKA TIDAK, MAKA KITA SUDAH TIDAK BERSYUKUR SERTA MELAKUKAN PEMBAZIRAN,+ KATANYA. -- LAGI.

1920MST 24 04 86

D036

U B114 DEB
MAHATHIR - JIMAT 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

MENURUTNYA, AMALAN BERJIMAT-CERMAT PENTING KERANA SELAIN DARIPADA MENJAMIN KEUTUHAN DAN KEKUATAN EKONOMI, IA DAPAT MEMBANTU MEMPERKUKUHKAN KETAHANAN UMAT DAN NEGARA.

NEGARA JUGA DAPAT MENYELAMATKAN DIRI DARIPADA PELBAGAI TEKANAN SEPERTI HUTANG YANG TIDAK DAPAT DIBAYAR, KEHILANGAN HARTA KERANA TERLEBIH BELANJA DARIPADA PENDAPATAN DAN LAIN-LAIN LAGI, JIKA IA BERJIMAT-CERMAT, KATANYA.

BELIAU JUGA MENYENTUH MENGENAI SUMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI KEPADA AMALAN BERJIMAT-CERMAT.

KATANYA, HARI INI UMAT ISLAM DAPAT MENUNAIKAN FARDU HAJI DENGAN MUDAH DAN MURAH DENGAN MENGGUNAKAN KAPAL TERBANG.

DENGAN ITU RAMAILAH YANG DAPAT MENERJAKAN FARDU HAJI SEDANGKAN PADA MASA LEPAS CUMA PADA UMUMNYA SEBILANGAN ORANG YANG KAYA SAHAJA DAPAT MENUNAIKANNYA KERANA TAMBANG YANG MAHAL DAN PERJALANAN YANG AGAK SUKAR.

+PENJIMATAN MASA DAN BELANJA ITU ADALAH HASIL ILMU SAINS DAN TEKNOLOGI DAN SEMENTARA KITA MENGUKUHKAN LAGI IMAN DAN MENDALAMI AJARAN AGAMA ISLAM, KITA JUGA HARUS MENGUASAI ILMU-ILMU ITU,+ KATANYA.

TEMA MUSABAQAH TAHUN INI IALAH +BERJIMAT BERKAT, MEMBAZIR MUDARAT.+ -- BERNAMA.

1922MST 24 04 86